

**PENAWARAN SAHAM PEKERJA L'ORÉAL 2026
RISALAH TAMBAHAN TEMPATAN UNTUK MALAYSIA**

Anda telah dipelawa untuk melabur dalam saham L'Oréal S.A. ("L'Oréal") ("Saham") di bawah pelan saham pekerja 2026 bagi kumpulan L'Oréal. Tertera di bawah adalah ringkasan maklumat penawaran tempatan dan akibat-akibat cukai utama yang berkaitan dengan penawaran tersebut.

PENAFIAN: DOKUMEN INI DIARAHKAN DI DALAM MALAYSIA SAHAJA KEPADA ORANG YANG ADALAH PEKERJA SUBSIDIARI MALAYSIA YANG TERDAPAT DALAM KUMPULAN L'ORÉAL ("PEKERJA YANG LAYAK") DAN TIDAK BOLEH DIKELUARKAN SEMULA ATAU DIAMBIL OLEH ATAU DIHANTAR KEPADA ORANG YANG BUKAN PEKERJA YANG LAYAK.

Maklumat Penawaran Tempatan

Tempoh Langganan

Tempoh langganan bermula pada 10 Jun 2026 dan berlangsung sehingga 24 Jun 2026 (termasuk kedua-dua tarikh tersebut).

Sepanjang tempoh langganan, anda boleh melanggan dalam talian melalui laman web <https://invest.loreal.com>. Nama pengguna dan kata laluan akan diberikan kepada anda melalui e-mel atau mel. Anda juga boleh melanggan menggunakan borang langganan kertas jika anda tidak mempunyai akses kepada Internet. Sila hubungi Jabatan Sumber Manusia tempatan anda untuk menerima borang langganan tersebut.

Melainkan jika anda membuat langganan melalui Internet, sila pulangkan borang langganan yang dilengkapi dengan sempurna (bersama-sama dengan lampiran yang diperlukan) sebelum 24 Jun 2026 kepada Jabatan Sumber Manusia tempatan anda. Borang langganan tersebut harus dialamatkan kepada Ronald Cruz di alamat berikut:

L'Oréal Malaysia Sdn. Bhd.
Crown Penthouse, 1 Powerhouse,
No. 1, Persiaran Bandar Utama, Bandar Utama,
47800 Petaling Jaya,
Selangor,
Malaysia.

Harga Langganan

Harga langganan akan ditetapkan pada 5 Jun 2026, sebagai purata harga bukaan Saham tersebut dalam 20 hari dagangan sebelum tarikh berkenaan, dengan diskaun sebanyak 20%.

Adalah dimaklumkan bahawa langganan anda adalah dalam euro. Sehubungan dengan itu, untuk tujuan langganan anda, jumlah pembayaran anda dalam Ringgit Malaysia ("RM") akan ditukarkan oleh majikan anda pada kadar pertukaran yang relevan yang akan ditetapkan oleh L'Oréal sebelum bermula tempoh

langganan (pada atau sekitar 4 Jun 2026), yang akan dimaklumkan kepada anda. Sepanjang hayat pelaburan anda, nilai Saham yang dilanggan melalui FCPE akan dipengaruhi oleh pergolakan kadar pertukaran mata wang antara euro dan RM. Oleh itu, sekiranya nilai euro mengukuh berbanding dengan RM, nilai Saham-Saham tersebut, dalam RM, akan meningkat. Sebaliknya, jika nilai euro merosot berbanding dengan RM, nilai Saham-Saham tersebut, dalam RM, akan menurun.

Kaedah Pembayaran – Apakah kaedah pembayaran untuk langganan saya?

Kaedah pembayaran berikut boleh digunakan:

- (a) pembayaran penuh jumlah amaun langganan, melalui pindahan bank yang harus dilaksanakan kepada akaun bank di bawah antara 10 Julai dan 21 Julai 2026:

Bank Name and Address	Citibank Berhad Level 45, Menara Citibank 165 Jalan Ampang 50450 KL Malaysia
Account Name	L’Oreal Malaysia Sdn Bhd
Account Number	0112836012 (MYR)
SWIFT Code	CITIMYKL

atau

- (b) pembayaran sebanyak 10 ansuran* melalui potongan gaji bulanan bermula pada Ogos 2026, di mana jumlah potongan setiap bulan adalah 1/10 daripada jumlah amaun langganan;

atau

- (c) gabungan (a) dan (b) di atas^, iaitu, anda akan membuat sebahagian daripada pembayaran melalui pindahan bank dan jumlah selebihnya akan dibiayai oleh pendahuluan gaji (tanpa faedah dikenakan) yang disediakan oleh majikan anda, dan anda akan membayar balik pendahuluan gaji dalam 10 ansuran dengan cara potongan gaji bulanan bermula Ogos 2026.

* Jika kaedah pembayaran ini dipilih (Kaedah Pembayaran (b)), sila ambil perhatian bahawa pendahuluan gaji yang akan diberikan oleh subsidiari L’Oréal yang mengambil bahagian di Malaysia (“**Subsidiari L’Oréal Malaysia**”) akan dihadkan kepada jumlah gaji pekerja individu untuk Mei 2026 (gaji seperti yang ditakrifkan di bawah Akta Kerja 1955 Malaysia (“**EA**”). Oleh itu, pekerja mesti memastikan bahawa jumlah langganan yang akan dibayar melalui pendahuluan gaji yang disediakan adalah terhad kepada jumlah gaji pekerja tersebut untuk Mei 2026.

Sebagai ilustrasi, jika gaji Pekerja X pada Mei 2026 ialah RM5,000, Pekerja X hanya boleh melanggan sehingga jumlah RM5,000 menggunakan kaedah ini, kerana hanya RM5,000 boleh diberikan kepada Pekerja X melalui pendahuluan gaji untuk bayaran langganan mereka (dan akan dibayar balik oleh Pekerja X melalui potongan gaji). Jika Pekerja X ingin melanggan jumlah lebih daripada RM5,000, mereka perlu memilih Kaedah Pembayaran (a) atau Kaedah Pembayaran (c).

^ Jika kaedah pembayaran ini dipilih (Kaedah Pembayaran (c)), sila ambil perhatian bahawa pendahuluan gaji yang akan disediakan oleh Subsidiari L'Oréal Malaysia akan dihadkan kepada jumlah gaji pekerja individu untuk Mei 2026 (gaji seperti yang ditakrifkan di bawah EA), dengan mana-mana baki bayaran langganan yang tidak akan dilindungi oleh pendahuluan gaji akan dibayar pendahuluan selewat-lewatnya pada 21 Julai 2026 (iaitu, dengan gabungan pendahuluan gaji dan pembayaran penuh), jika gagal, pekerja tersebut akan dianggap telah ingkar pembayaran mereka dan L'Oréal dan/atau Subsidiari L'Oréal Malaysia boleh melaksanakan sebarang langkah yang sesuai (tertakluk kepada mana-mana perundangan yang berkenaan) untuk mendapatkan semula tuntutan mereka. Oleh itu, pekerja mesti memastikan bahawa jumlah langganan yang akan dibayar melalui pendahuluan gaji yang disediakan adalah terhad kepada jumlah gaji pekerja tersebut untuk Mei 2026.

Sebagai ilustrasi:

- Gaji Pekerja X pada Mei 2026 ialah RM5,000 dan Pekerja X ingin melanggan jumlah langganan RM10,000.
- Hanya RM5,000 boleh diberikan kepada Pekerja X melalui pendahuluan gaji untuk bayaran langganan mereka (dan dibayar balik oleh Pekerja X melalui potongan gaji), dan Pekerja X mesti membuat bayaran langganan pendahuluan untuk baki RM5,000 selewat-lewatnya pada 21 Julai 2026.

Jika anda memilih untuk membayar untuk langganan anda melalui Kaedah Pembayaran (b) atau Kaedah Pembayaran (c) di atas, dan sekiranya kontrak pekerjaan anda ditamatkan untuk sebarang sebab sebelum keseluruhan pendahuluan gaji yang diberikan oleh majikan tempatan anda dibayar semula, anda dengan nyata dan muktamad (dan tidak boleh ditarik balik) memberi kuasa kepada majikan anda untuk:

- (a) tertakluk kepada semua undang-undang yang berkenaan, menolak jumlah yang belum dibayar dari gaji anda atau mana-mana jumlah yang masih terutang kepada anda;
- (b) mengarahkan pemegang akaun FCPE "L'Oréal Employee Share Plan" untuk menebus unit-unit FCPE anda, tertakluk kepada undang-undang yang berkenaan, dan untuk memperuntukkan suatu bahagian daripada hasil penebusan unit-unit FCPE tersebut untuk membayar jumlah yang belum dibayar (berserta dengan sebarang perbelanjaan pentadbiran yang munasabah); dan/atau
- (c) mengambil apa-apa tindakan / langkah yang difikirkan sesuai untuk menuntut jumlah yang belum dibayar.

Penjagaan saham-saham anda, hak mengundi, dividen

Saham-Saham anda akan dilanggan dan dipegang untuk anda oleh suatu kenderaan pegangan saham kolektif, dikenali sebagai *Fonds Commun de Placement d'Entreprise*, atau FCPE, yang biasa digunakan di Perancis until pemuliharaan saham-saham yang dipegang oleh pelabur-pekerja. Anda akan diberikan unit-unit dalam FCPE yang sepadan dengan Saham-Saham yang anda telah langgani dan yang mewakili sumbangan sepadan majikan yang dihantar kepada anda pada akhir Tempoh Penguncian, tertakluk kepada syarat-syarat yang tertera di bawah.

Selagi Saham-Saham anda dipegang oleh FCPE «L'OREAL EMPLOYEE SHARE PLAN», hak mengundi berkenaan dengan saham-saham tersebut akan dipegang oleh lembaga penyeliaan FCPE bagi pihak pekerja-pekerja.

Sebarang dividen yang dibayar oleh L'Oréal akan dilaburkan semula secara automatik dalam FCPE ini. Pelaburan semula tersebut akan menghasilkan pengeluaran unit tambahan atau pecahan unit.

Kawalan Pertukaran Mata Wang

Pembayaran oleh seorang pemastautin (seperti anda atau majikan tempatan anda) kepada seorang bukan pemastautin (seperti L'Oréal) untuk pemerolehan aset-aset mata wang asing (seperti Saham tersebut) mestilah dilakukan dalam mata wang asing.

Oleh itu, majikan tempatan anda akan dikehendaki menukar harga pembelian saham yang dibayar dalam RM kepada mata wang asing yang berkenaan (iaitu euro) sebelum menghantarkannya kepada L'Oréal.

Penafian undang-undang buruh

Sila ambil perhatian bahawa penawaran ini diberikan kepada anda oleh Syarikat Perancis L'Oréal, dan bukannya majikan tempatan anda. Keputusan until menyertakan mana-mana benefisiari dalam rancangan ini atau sebarang penawaran pada masa akan datang, adalah keputusan L'Oréal sahaja dalam budi bicaranya. Penawaran ini tidak menjadi sebahagian daripada perjanjian pekerjaan anda dan tidak meminda atau menambah kepada perjanjian tersebut. Penyertaan dalam penawaran saham pekerja L'Oréal 2026 tidak memberi anda hak kepada faedah pada masa akan datang atau bayaran yang serupa jenis atau nilai, dan tidak memberi anda hak kepada sebarang pampasan jika anda kehilangan hak-hak anda di bawah penawaran tersebut akibat penamatan pekerjaan anda. Faedah-faedah atau bayaran-bayaran yang anda mungkin terima atau layak untuk terima di bawah penawaran ini tidak akan diambil kira untuk menentukan jumlah sebarang faedah-faedah, bayaran-bayaran ataupun hak-hak lain yang perlu dibayar kepada anda pada masa depan (termasuk dalam kes penamatan pekerjaan).

Tempoh penguncian dan Peristiwa-peristiwa Pelepasan Awal - apakah keadaan-keadaan yang membolehkan saya meminta penebusan awal?

Di bawah penawaran saham pekerja L'Oréal 2026, pelaburan anda mesti dipegang untuk tempoh 5 tahun ("**Tempoh Penguncian**"), yang berakhir pada 30 Julai 2031 (termasuk hari tersebut), dan dalam jangka masa tersebut, anda tidak boleh menebus pelaburan anda.

Walau bagaimanapun, anda boleh memohon untuk penebusan dan pelepasan awal sebelum tamat Tempoh Penguncian jika peristiwa-peristiwa pelepasan awal yang dinyatakan di bawah berlaku:

1. perkahwinan;
2. kelahiran atau pengambilan anak angkat ketiga (atau selanjutnya);
3. penceraian (jika hak penjagaan sekurang-kurangnya seorang anak dikekalkan);
4. keganasan rumah tangga dilakukan terhadap pekerja oleh pasangannya atau bekas pasangannya;
5. ketidakupayaan pekerja, pasangannya atau anaknya;
6. kematian pekerja atau pasangannya;

7. penggunaan hasil pelaburan untuk memulakan perniagaan tertentu oleh pekerja, anaknya atau pasangannya;
8. penggunaan hasil pelaburan untuk membeli atau membesarkan kediaman utama pekerja;
9. keberhutangan pekerja yang keterlaluan;
10. penamatan pekerjaan;
11. penggunaan hasil pelaburan untuk kerja-kerja pengubahsuaian kecekapan tenaga di kediaman utama; dan
12. penggunaan hasil pelaburan untuk pembelian kenderaan elektrik dan/atau hydrogen.

Peristiwa-peristiwa pelepasan awal ini ditakrifkan oleh undang-undang Perancis dan harus ditafsirkan dan digunakan dengan cara yang selaras dengan undang-undang Perancis. Anda tidak harus membuat kesimpulan bahawa peristiwa pelepasan awal boleh diberikan melainkan anda telah menerangkan kes spesifik anda kepada majikan anda dan majikan anda telah mengesahkan bahawa peristiwa pelepasan awal adalah relevan dalam situasi anda, dan setelah anda memberikan dokumentasi sokongan yang diperlukan.

SAHAM-SAHAM PERCUMA

Pelaburan anda akan dipadankan dengan pemberian hak kepada saham-saham tambahan L'Oréal secara percuma ("**Saham-Saham Percuma**"). Anda akan berhak menerima Saham-Saham Percuma sekadar dengan langganan anda berdasarkan nisbah yang tertera di dalam Risalah Maklumat. Saham-Saham Percuma tersebut akan dihantar kepada anda pada akhir tempoh letak hak, iaitu Julai 2031, tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang tertera di dalam Peraturan-Peraturan Pelan Saham-Saham Percuma.

Tertera di bawah adalah ringkasan syarat-syarat tertentu yang berkenaan dengan pemberian, letak hak dan penghantaran Saham-Saham Percuma tersebut. Untuk keterangan yang lanjut, sila merujuk kepada Peraturan-Peraturan Pelan Saham-Saham Percuma yang tersedia kepada anda di laman web <https://invest.loreal.com> (dalam Bahasa Perancis dan Bahasa Inggeris) dan atas permintaan daripada Jabatan Sumber Manusia tempatan anda. Langganan kepada pelan saham pekerja L'Oréal 2026 mewakili penerimaan Peraturan-Peraturan Pelan Saham-Saham Percuma oleh anda.

Kelayakan untuk pemberian Saham-Saham Percuma: Untuk melayakkan diri bagi pemberian Saham-Saham Percuma di bawah rangka pelan saham pekerja L'Oréal 2026, anda mesti memenuhi syarat-syarat berikut:

- anda mesti dengan sah, melanggan Saham-Saham di bawah pelan saham pekerja L'Oréal 2026 dan mesti memenuhi semua syarat-syarat penyertaannya;
- penyertaan anda dalam atau langganan atau pembayaran untuk pelan saham pekerja L'Oréal 2026 mestilah tidak pernah ditolak atau dibatalkan pada (atau sebelum) Tarikh Pemberian; dan
- pembayaran untuk Saham-Saham yang dilanggan di bawah pelan saham pekerja L'Oréal 2026 mestilah diselesaikan sepenuhnya pada Tarikh Hantaran.

Tarikh Pemberian: Tarikh pemberian adalah tarikh di mana Saham-Saham yang dilangani di bawah pelan saham pekerja L'Oréal 2026 diterbitkan, iaitu pada 30 Julai 2026, atau dalam jangka masa yang singkat kemudiannya. Dalam tempoh masa beberapa minggu dari Tarikh Pemberian, setiap benefisiari akan menerima surat pernyataan elektronik untuk mengesahkan bahawa beliau adalah benefisiari pemberian Saham-Saham Percuma dan yang menyatakan nombor Saham-Saham Percuma yang diberikan kepadanya, tertakluk kepada syarat-syarat Peraturan-Peraturan Pelan Saham-Saham Percuma (seperti yang diringkaskan di bawah).

Tarikh Hantaran: Tertakluk kepada penyempurnaan syarat-syarat yang tertera di bawah, Saham-Saham Percuma akan dihantar kepada anda pada atau sekitar 31 Julai 2031 ("**Tarikh Hantaran**").

Syarat-syarat yang perlu dipenuhi untuk menerima Saham-Saham Percuma pada akhir Tempoh Penguncian (anda boleh merujuk kepada Artikel 6 Peraturan-Peraturan Pelan Saham-Saham Percuma untuk keterangan yang penuh dan lanjut; tertera di bawah adalah hanya ringkasan syarat-syarat berkenaan dan tidak menggantikan peruntukan Peraturan-Peraturan Pelan Saham-Saham Percuma):

Untuk menerima Saham-Saham Percuma, anda mesti kekal sebagai pekerja atau pegawai korporat L'Oréal atau subsidiarinya ("**L'Oréal Group**") dari hari terakhir tempoh langganan di bawah pelan saham pekerja L'Oréal 2026 sehingga 20 hari kalendar sebelum Tarikh Hantaran ("**Syarat Pekerjaan Berterusan**").

Tempoh antara hari terakhir tempoh langganan di bawah pelan saham pekerja L'Oréal 2026 dan 20 hari kalendar sebelum Tarikh Hantaran, akan dirujuk sebagai "**Tempoh Pemerolehan**".

Walau bagaimanapun, anda akan dianggap telah memenuhi Syarat Pekerjaan Beterusan jika, pada bila-bila masa ketika Tempoh Pemerolehan, anda kehilangan status pekerja atau pegawai korporat Kumpulan L'Oréal untuk mana-mana sebab di bawah ("**Pengecualian kepada Syarat Pekerjaan Berterusan**").

Kematian: Sekiranya berlaku kematian, waris benefisiari yang telah meninggal dunia boleh memohon untuk penghantaran Saham-Saham Percuma dalam tempoh masa enam bulan dari kematian. Dalam keadaan sedemikian, mana-mana Saham Percuma yang diberi akan dihantar kepada pemegang serah hak sejurus selepas permohonan tersebut diserahkan dan Tempoh Pemerolehan tidak akan diggunakan. Sekiranya tiada permohonan, Saham-Saham Percuma yang diberikan kepada benefisiari yang telah meninggal dunia akan dihantar kepada waris-warisnya pada Tarikh Hantaran.

Ketidakupayaan: Sekiranya berlaku ketidakupayaan semasa Tempoh Pemerolehan, sebagaimana yang dedefinisikan di Artikel L 225-197-1 Kod Dagangan Perancis, Saham-Saham Percuma yang diberikan akan dihantar kepada benefisiari sejurus selepas berlakunya ketidakupayaan yang berkenaan.

Persaraan: Sekiranya berlaku persaraan pada umur persaraan minimum yang ditetapkan di bawah undang-undang negara berkenaan atau sekiranya berlaku persaraan di bawah mana-mana skim persaraan, Saham-Saham Percuma tersebut akan dihantar kepada benefisiari pada Tarikh Hantaran.

Pemecatan untuk sebab selain daripada salah laku berat atau salah laku serius: Sekiranya berlaku pemecatan untuk sebab selain daripada salah laku berat atau salah laku serius, Saham-Saham Percuma yang diberi akan dihantar kepada benefisiari pada Tarikh Hantaran. Untuk tujuan pelan tersebut, pemecatan untuk salah laku berat atau salah laku serius yang

menyebabkan perlucutan hak untuk menerima Saham-Saham Percuma akan dinilai setelah mengambil kira undang-undang negara berkenaan yang relevan kepada pemecatan benefisiari.

Penamatan kontrak pekerjaan berikutan persetujuan bersama pekerja dan majikan: Sekiranya berlaku penamatan kontrak pekerjaan benefisiari berikutan persetujuan bersama, Saham-Saham Percuma tersebut akan dihantar kepada benefisiari pada Tarikh Hantaran.

Perubahan kuasa syarikat/majikan: Sekiranya berlaku perubahan kuasa syarikat/majikan benefisiari, benefisiari yang merupakan pekerja atau pegawai korporat syarikat berkenaan akan menerima Saham-Saham Percuma mereka pada Tarikh Hantaran.

Pemilikan Saham-Saham Percuma: Pada Tarikh Hantaran, mana-mana Saham-Saham Percuma yang dihantar akan menjadi harta penuh anda. Saham-Saham Percuma anda akan dihantar dan dipegang melalui FCPE « L'OREAL EMPLOYEE SHARE PLAN» dan anda akan menerima unit-unit FCPE yang mewakili Saham-Saham Percuma tersebut. Sekiranya suatu syarikat L'Oréal wajib membayar cukai, caj sosial atau mana-mana caj kerajaan yang lain untuk pihak benefisiari untuk Saham-Saham Percuma akibat pemberian atau penghantaran Saham-Saham Percuma tersebut, L'Oréal merizabkan hak untuk melengahkan pemindahan Saham-Saham Percuma kepada benefisiari tersebut sehingga benefisiari tersebut membayar jumlah kesuluruhan, atau membuat pengaturan untuk pembayaran yang memuaskan kepada L'Oréal, atau menyebabkan penjualan Saham-Saham Percuma tersebut, dan memegang daripada hasil amaun berkaitan, sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Artikel 10 Peraturan-Peraturan Pelan Saham-Saham Percuma.

Notis Privasi

Anda diwajibkan untuk memberikan semua maklumat yang diminta di dalam borang langganan atau sebarang maklumat tambahan yang kami minta daripada anda. Maklumat yang anda beri kepada L'Oréal dan/atau majikan tempatan anda di dalam borang langganan tersebut akan dikumpul, diguna dan diproses oleh L'Oréal, majikan tempatan anda dan mana-mana pihak lain (yang bukan ahli L'Oréal Group), sama ada di dalam atau di luar Malaysia, yang telah diberi kuasa secara nyata untuk menerima dan menyimpan maklumat berkenaan, bagi tujuan pengurusan Pelan Saham Pekerja L'Oréal 2026 dan FCPE yang berkenaan, untuk pentadbiran akaun dan penyimpanan maklumat berkenaan secara elektronik dan untuk sebarang tujuan lain yang berkenaan sepertimana diberi kuasa oleh L'Oréal dari semasa ke semasa.

Sekiranya anda memilih untuk tidak memberi data peribadi yang diminta, ini mungkin akan menjejaskan keupayaan anda untuk menikmati dan/atau menyertai sepenuhnya manfaat dan hak berkaitan dengan penawaran tersebut.

Anda akan mempunyai hak untuk mengakses, mengubah suai, menghadkan dan/atau membetulkan sebarang data peribadi anda melalui notifikasi bertulis kepada kenalan L'Oréal anda yang berjanji untuk menghantar maklumat ini dengan sewajarnya kepada L'Oréal dan mana-mana pihak selain L'Oréal yang diberi kuasa secara nyata untuk menerima dan mengekalkan maklumat ini.

Maklumat Percukaian untuk Pekerja Bermastautin di Malaysia

*Ringkasan ini menerangkan prinsip-prinsip am yang berkuat kuasa pada masa langganan untuk penawaran tersebut, yang dijangka terpakai untuk pekerja yang merupakan dan akan kekal, sehingga pelupusan pelaburan mereka, pemastautin di Malaysia bagi tujuan undang-undang cukai Malaysia dan Perjanjian Percukaian antara Malaysia dan Perancis untuk pengelakan percukaian dua kali ("**Perjanjian**") dan yang berhak untuk menerima manfaat-manfaat Perjanjian tersebut. Akibat-akibat cukai yang disenaraikan di bawah adalah menurut undang-undang percukaian Malaysia dan undang-undang dan amalan-amalan percukaian Perancis yang tertentu, yang semuanya relevan pada masa penawaran. Undang-undang dan amalan-amalan ini boleh berubah dari semasa ke semasa.*

Ringkasan ini diberikan untuk tujuan makluman sahaja dan tidak boleh dianggap sebagai lengkap atau konklusif. Untuk mendapatkan nasihat muktamad, para pekerja seharusnya meminta nasihat tentang akibat-akibat cukai berikutan langganan saham-saham L'Oréal melalui FCPE «L'OREAL EMPLOYEE SHARE PLAN» daripada penasihat cukai mereka.

Apabila Melanggan

I. Adakah saya perlu membayar sebarang cukai atau caj-caj keselamatan sosial pada masa langganan?

I.1 Percukaian atas perbezaan di antara harga langganan dan nilai pasaran saham L'Oréal pada masa langganan

Ya. Diskaun terhadap nilai pasaran Saham-Saham tersebut (iaitu perbezaan di antara harga langganan dan nilai pasaran Saham-Saham tersebut), jika ada, akan dianggap sebagai faedah bercukai dan tertakluk kepada cukai pendapatan. Nilai pasaran Saham-Saham adalah yang terendah antara dua nilai, iaitu nilai pasaran Saham-Saham pada hari pertama tempoh langganan (iaitu 10 Jun 2026), atau nilai pasaran Saham-Saham pada hari terakhir tempoh langganan yang dianggap sebagai tarikh kuat kuasa pembelian Saham-Saham (iaitu 24 Jun 2026). Untuk tujuan ini, "nilai pasaran" Saham-Saham tersebut ditakrifkan sebagai purata harga dagangan tertinggi dan harga dagangan terendah Saham-Saham tersebut pada tarikh yang sepadan (masing-masing, 10 Jun 2026 dan 24 Jun 2026).

Untuk menentukan tarikh pembelian Saham-Saham, dengan mengandaikan langganan Saham-Saham tersebut di Malaysia hanya akan berkuatkuasa pada hari terakhir tempoh langganan (tanpa mengambil kira bila pesanan langganan diserahkan atau bila pembayaran untuk Saham-Saham tersebut dibuat), hari terakhir tempoh langganan iaitu 24 Jun 2026 adalah tarikh pembelian Saham-Saham tersebut.

Kadar cukai yang dikenakan ke atas pekerja bermastautin di Malaysia ditaksirkan berdasarkan skala bersengkat di antara 0% hingga 30% maksimum berdasarkan pendapatan bercukai pekerja bermastautin bagi tahun taksiran tersebut. Individu-individu bukan pemastautin membayar cukai pada kadar tetap 30% atas pendapatan yang berpunca dari Malaysia. Dalam hal ini, tiada implikasi keselamatan sosial atau caruman yang perlu dibayar berkenaan langganan tersebut.

Majikan anda berkewajipan untuk memegang cukai pendapatan yang harus dibayar daripada gaji bulanan pada bulan di mana kejadian yang boleh dikenakan cukai berlaku mengikut Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan daripada Saraan) 1994, melainkan jika anda memilih secara nyata melalui notis bertulis semasa langganan, untuk membayar cukai pendapatan anda sendiri.

Kewajipan tersebut dianggap timbul pada tarikh penghantaran saham (iaitu, peningkatan modal) untuk tujuan tawaran ini.

I.2 Adakah bayaran pendahuluan yang tidak dikenakan faedah boleh dikenakan cukai?

Jika bayaran pendahuluan kepada anda diperoleh daripada dana dalaman majikan anda, anda tidak akan dikenakan cukai. Walau bagaimanapun, jika majikan anda meminjam dana daripada pihak ketiga untuk memberikan anda bayaran pendahuluan, anda akan dikenakan cukai ke atas perbezaan antara kadar faedah yang dikenakan kepada majikan anda dan kadar faedah yang dikenakan kepada anda. Kadar cukai adalah seperti yang dinyatakan di atas pada baki tersebut.

Semasa Hayat Pelan

II. Adakah saya perlu membayar sebarang cukai atau caj-caj keselamatan sosial untuk dividen?

Sebarang dividen yang diagihkan oleh L'Oréal akan dilaburkan semula secara automatik oleh FCPE «L'OREAL EMPLOYEE SHARE PLAN» untuk membeli saham L'Oréal di pasaran. Pelaburan semula tersebut akan menghasilkan pengeluaran unit tambahan atau pecahan unit.

(i) Cukai di Perancis

Oleh sebab dividen yang diterima daripada L'Oréal tidak diagih kepada pekerja-pekerja, tiada cukai pegangan akan dikenakan di Perancis.

(ii) Cukai di Malaysia

Tidak. Dividen yang diperoleh dari luar Malaysia kini dikecualikan daripada cukai di Malaysia.

III. Adakah saya akan dikehendaki untuk membayar sebarang cukai kekayaan untuk unit-unit FCPE yang saya miliki?

Pada masa kini cukai kekayaan tidak terpakai di Malaysia.

Semasa Penebusan

IV. Adakah saya perlu membayar sebarang cukai atau caj-caj keselamatan sosial apabila, pada akhir Tempoh Penguncian (atau sekiranya berlaku sebarang peristiwa pelepasan awal yang diluluskan), saya meminta FCPE untuk menebus unit-unit saya untuk wang tunai?

(i) Cukai di Perancis

Anda tidak akan dikenakan cukai pendapatan di Perancis untuk keuntungan, jika ada, daripada penebusan unit-unit anda.

(ii) Cukai di Malaysia

Tidak. Anda tidak akan dikenakan cukai keuntungan modal, cukai pendapatan atau caj-caj keselamatan sosial, melainkan anda dalam perniagaan membeli dan menjual sekuriti.

Cukai atau caj-caj keselamatan sosial yang mungkin dikenakan, jika saya memilih untuk tidak menebus dengan segera pelaburan saya setelah Tempoh Penguncian tamat.

Tiada.

SAHAM-SAHAM PERCUMA

V. Adakah saya perlu membayar sebarang cukai atau caj-caj keselamatan sosial pada Tarikh Pemberian Saham-Saham Percuma?

Tidak.

VI. Adakah saya perlu membayar sebarang cukai atau caj-caj keselamatan sosial pada Tarikh Hantaran Saham-Saham Percuma?

Ya. Saham-Saham Percuma akan dikenakan cukai apabila Saham-Saham Percuma tersebut boleh diterima. Oleh sebab anda tidak perlu membayar sebarang balasan untuk Saham-Saham Percuma tersebut, amaun yang boleh dikenakan cukai adalah harga pasaran penuh Saham-Saham Percuma tersebut didarab dengan bilangan Saham-Saham Percuma.

Kadar cukai yang dikenakan ke atas pemastautin cukai di Malaysia dan bukan pemastautin adalah seperti yang diterangkan di perenggan I.1 di atas.

Tiada implikasi keselamatan sosial atau caruman yang perlu dibayar untuk Saham-Saham Percuma.

VII. Adakah saya perlu membayar sebarang cukai atau caj-caj keselamatan sosial pada tarikh penjualan saham / penebusan unit-unit yang mewakili Saham-Saham Percuma?

Tidak. Anda tidak akan dikenakan cukai keuntungan modal, cukai pendapatan atau caj-caj keselamatan sosial, melainkan anda dalam perniagaan membeli dan menjual sekuriti.

VIII. Apakah kewajipan-kewajipan pelaporan saya mengenai langganan, pegangan dan penebusan unit-unit FCPE serta pembayaran dividen?

Di bawah Sistem Taksiran Sendiri di Malaysia, semua pembayar cukai mempunyai tanggungjawab untuk menaksir dan membayar cukai yang kena dibayar kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia ("LHDN"). Anda perlu memastikan bahawa sebarang faedah bercukai yang anda terima di bawah tawaran tersebut, berkenaan dengan diskaun ke atas Saham-Saham yang dibeli dan Saham-Saham Percuma yang anda terima hasil daripada sumbangan yang sepadan, dilaporkan secara tepat dalam Borang Cukai Pendapatan yang perlu dikemukakan setiap tahun kepada LHDN berkenaan dengan tahun taksiran sebelumnya (iaitu, Borang BE untuk individu bermastautin yang tidak menjalankan perniagaan, Borang B untuk individu bermastautin yang menjalankan perniagaan dan Borang M untuk individu yang tidak bermastautin).

IX. Adakah majikan saya mempunyai kewajipan pelaporan?

Melainkan anda telah membuat pilihan secara bertulis kepada majikan anda untuk membayar cukai yang timbul daripada faedah bercukai sendiri, sebarang cukai berhubung dengan faedah bercukai yang anda terima akan ditolak oleh majikan anda daripada gaji anda pada bulan di mana peristiwa bercukai itu (iaitu penghantaran saham) berlaku mengikut Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan (Potongan daripada Saraan) 1994.

Majikan anda juga dikehendaki mengemukakan dokumen berikut kepada LHDN:

- (a) Borang BT/MSSP/2012, iaitu Lampiran A kepada Ketetapan Umum No. 11/2012 yang dikeluarkan oleh LHDN untuk memaklumkan LHDN berkenaan dengan pelan ini; dan
- (b) nama pekerja yang telah melaksanakan hak mereka di bawah pelan, melalui perserahan Lampiran C kepada Ketetapan Umum No. 11/2012 pada atau sebelum hari terakhir bulan Februari tahun kalendar berikutnya.

Majikan anda juga dikehendaki melaporkan faedah bercukai yang timbul daripada pelan ini dalam pulangan tahunan saraan pekerja (Borang EA) untuk tahun taksiran di mana faedah bercukai itu timbul.